



Persatuan Pengguna Pulau Pinang
Consumers Association of Penang
檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
(in English, BM, Chinese,
& Tamil)
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Surat Kepada Pengarang

26 Julai 2022

CAP: Penjagaan Yang Ditangguhkan Adalah Penjagaan Yang Dinafikan

Akses kepada perubatan adalah perkara paling penting yang akan menentukan siapa yang hidup dan siapa yang mati. Ubatan membentuk komponen yang sangat penting dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan. Kekurangan ubatan akan memberi impak yang besar kepada hasil penjagaan kesihatan.

Terdapat laporan dalam media arus perdana dengan tajuk "Fatal Prescription" pada 25 Jun 2022 di mana pemain industri berkata kekurangan ubatan ini bukan sahaja unik kepada Malaysia sahaja kerana ia adalah isu global.

Kenyataan ini bukanlah satu jawapan kepada seseorang yang mempunyai morbiditi dan bergantung kepada bekalan ubatan untuk kelangsungan hidupnya. Untuk mencadangkan bahawa pengurangan bekalan perubatan semasa wabak adalah akibat daripada pandemik Covid-19 tidak boleh mengikut dengan keperluan pesakit terhadap ubat dan perkhidmatan.

Menurut pemain industri, Malaysia banyak bergantung kepada import dari Amerika Syarikat, United Kingdom, China dan Australia dan ini tidak boleh dijadikan alasan memandangkan terdapat pembekal alternatif lain seperti Thailand, India, Bangladesh dan Vietnam.

Kesediaan negara bagi kecemasan dan malapetaka sepatutnya sudah ada sejak dahulu lagi. Intinya bukanlah untuk meredakan masyarakat yang mudah terjejas dengan alasan seperti itu.

Kekurangan ubatan boleh dihapuskan dengan menguatkuasakan senarai penting ubatan pada pembekal akhir.

Penggantian generik adalah satu lagi penyelesaian untuk memenuhi permintaan bagi bekalan ubatan.

Mencadangkan perkongsian maklumat bukanlah jawapan kepada seseorang yang sangat memerlukan ubat memandangkan ia tidak akan mengurangkan penderitaan yang dialami.

Peranan pembuat dasar adalah untuk merancang bagi mengatasi masalah memandangkan pandemik ini bukanlah satu perkara baru. Pembuat dasar perlu mampu untuk menangani situasi ini dan pada masa yang sama mengambil kira akan perubahan iklim.

Isu masyarakat yang semakin tua juga tidak seharusnya dijadikan alasan.

Malaysia perlu melihat semula untuk melaksanakan Senarai Ubatan Penting dan Garis Panduan Terapeutik.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP)